

17 AUG 1998

TELEKOMUNIKASI-CAPAIAN/I

PENYEDIA PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI SETUJU SUMBANG BAGI CAPAIAN SAMA RATA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Penyedia perkhidmatan telekomunikasi bersetuju menyumbang ke arah program kesedaran umum bagi faedah kepentingan capaian sama rata, kata Ketua Pengarah Jabatan Telekomunikasi, Malaysia Datuk Hod Parman.

Satu pasukan khas sedang menyediakan pelbagai program penyebaran maklumat untuk mewujudkan kesedaran umum yang dijangka bermula pada Oktober ini, katanya selepas melancarkan laman Asean Telecom 98 bersempena dengan pameran dan persidangan yang akan diadakan pada 3 hingga 6 November ini.

Hod juga menggesa lima penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk mengumumkan dan memberi tunjuk ajar, dengan segera, kepada kedua-dua pengguna korporat dan rumah bagi faedah capaian sama rata (equal access) yang akan dilaksanakan pada 1 Jan, 1999.

Peserta-peserta capaian sama rata terbabit adalah Telekom Malaysia Bhd, Bina-Sat Com Sdn Bhd, Time Telecommunications Sdn Bhd, Mutiara Telecommunications Sdn Bhd dan Celcom Sdn Bhd.

Hod berkata maklumat itu boleh disediakan menerusi maklumat, media dan pameran.

Beliau juga menggesa penyedia perkhidmatan mengambil bahagian dalam pameran dan persidangan Asean Telekom 98 dan menyatakan "penyedia perkhidmatan penting mestilah mengambil peluang ini untuk merancang persediaan bagi memberi perkhidmatan yang kompetitif dan berkualiti.

Mengenai percubaan capaian sama rata itu, Hod berkata, semua peserta-peserta mengambil bahagian dan bekerja di bawah syarat-syarat sistem itu bagi memastikan perkhidmatan akan bersiap sedia pada 1 Jan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie melancarkan percubaan perkhidmatan capaian sama rata pada 15 Julai lalu. Program percubaan akan dijalankan sehingga Disember.

Hod berkata capaian sama rata adalah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan pengguna dan penyedia perkhidmatan memperoleh faedah daripada kemajuan teknologi.

"Industri telekomunikasi mendapat sambutan sangat baik daripada kedua-dua sektor awam dan swasta kerana kami mengiktirafnya sebagai tulang belakang bagi sesuatu kemajuan ekonomi dan sosial," katanya.

Mengenai khabar angin yang tersebar di dalam internet, beliau berkata ketika ini jabatan berkenaan masih belum menumpukan kepada perkara terbabit, tetapi jika undang-undang baru digubal dan dikuat kuasakan, jabatan itu akan mengkaji maklumat terperinci mengenainya.

Sementara itu, Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee, pengerusi eksekutif AMB Exhibitions Sdn Bhd, penganjur Asean Telecom 98, berkata sejumlah 220 peserta pameran dari 18 negara akan mengambil bahagian dan dijangka lebih 10,000 pengunjung mengunjungi pameran itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kira-kira 20 peratus daripada peserta pameran telah mengesahkan penyertaan mereka setakat ini, katanya, sambil menambah beliau yakin sasaran 220 peserta akan berjaya dicapai.

Antara nama-nama besar yang telah bersetuju untuk menyertai pameran itu adalah tiga buah syarikat gergasi dari Jerman iaitu Siemens, Bosch Telecom dan Krone. Peserta lain termasuklah Telekom Malaysia, Nokia, NEC, Cisco System, Iridium, Sagem dan Marconi.

Ahmad Mustaffa berkata AMB Exhibitions akan membelanjakan kira-kira RM1.5 juta bagi menganjurkan Asean Telecom 98 dan daripada jumlah itu

RM500,000 akan digunakan untuk mempromosikan acara-acara antarabangsa.

Mengenai usaha-usaha menarik pengunjung, beliau berkata sebahagian daripada RM500,000 itu akan digunakan untuk menaja lawatan ketua pengarah telekomunikasi negara-negara Asean dan dengan harapan sebaliknya akan membawa bersama tokoh-tokoh telekomunikasi terkemuka mengunjungi pameran itu.

-- BERNAMA

LES ZK OS